

19 FEB 1998

Samy-Koperasi

KOPERASI DIDIK BERHAD JANGKA KUTIP RM100 JUTA, KATA SAMY VELLU

JOHOR BAHRU, 19 Feb (Bernama) -- Koperasi Didik Berhad, anjuran MIC yang baru ditubuhkan, dijangka dapat mengutip sebanyak RM100 juta menjelang akhir tahun ini.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata, semua jentera parti itu sudah siap untuk digerakkan dalam usaha menggalakkan setiap kaum India menjadi ahli koperasi dengan menyumbang RM25 sebulan secara sukarela.

Langkah itu juga selaras dengan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan rakyat supaya menabung demi kesejahteraan masa depan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Permas Jaya di sini hari ini.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata koperasi itu tidak terbatas kepada kaum India sahaja malahan kaum lain juga boleh menyertainya sebagai langkah untuk menabung.

"Sekarang ini, lembaga pengarah koperasi itu majoritinya ahli MIC. Pada masa akan datang jika keahlian kaum lain ramai, mereka juga boleh menjadi pengarah. Penubuhan koperasi itu merupakan salah satu resolusi persidangan MIC lepas," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata bagi pelajar sekolah simpanan sehingga minimum RM3,000 dalam tempoh enam atau lapan tahun akan menjadi RM5,000 termasuk faedah.

"Selepas itu, jika ada yang hendak masuk universiti, koperasi akan beri pinjaman RM10,000 kerana yuran memasuki universiti pada masa depan dijangka menjadi RM5,000 setahun selepas universiti dikorporatkan. Mereka boleh membayar balik selepas enam bulan bekerja," katanya.

Samy Vellu berkata langkah menabung itu amat penting kerana beliau tidak mahu pelajar kaum India terlepas peluang daripada memperolehi pelajaran disebabkan faktor kewangan kerana setiap tahun parti itu menerima permohonan bantuan pelajaran daripada 7,000 orang.

Sehubungan itu, beliau mahu guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil memberi lebih perhatian terhadap kemajuan pendidikan pelajar mereka kerana ramai di kalangan pelajar berasal dari keluarga yang bekerja di sektor perladangan yang tidak mempunyai banyak kemudahan.

-- BERNAMA

MKO WAT